

PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan tahun

ANTARA KERAJAAN MALAYSIA yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (kemudian daripada ini disebut sebagai KERAJAAN) sebagai pihak pertama, **DENGAN**

.....No. KP..... di
alamat

..... (kemudian daripada ini disebut PELAJAR) sebagai
pihak kedua, **DAN**

(Nama Penjamin Pertama Dengan Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan)

No. KP di alamat

.....
(kemudian daripada ini disebut PENJAMIN) sebagai pihak ketiga.

BAHAWASANYA :-

- (a) KERAJAAN telah bersetuju untuk memberikan pembiayaan MyPhD kepada PELAJAR bagi mengikuti kursus pengajian seperti yang ditetapkan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM Pembiayaan MyPhD yang dinyatakan dalam Fasal 11 Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut sebagai "SURAT TAWARAN PROGRAM");
- (b) PELAJAR telah menerima SURAT TAWARAN PROGRAM dan bersetuju untuk menerima pembiayaan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan SURAT TAWARAN PROGRAM tersebut;
- (c) PENJAMIN telah bersetuju untuk menjadi penjamin kepada PELAJAR bagi tujuan pematuhan semua syarat-syarat dan terma-terma Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. Definisi dan Tafsiran

1.1 Definisi

Di dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya mengkehendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah diberi maksud seperti berikut

"**PEMBIAYAAN**" ertinya sejumlah nilai tajaan yang dikeluarkan oleh KERAJAAN kepada PELAJAR merangkumi bantuan-bantuan seperti dinyatakan di dalam SURAT TAWARAN PROGRAM;

"**PENGAJIAN**" ertinya kursus peringkat Ijazah Kedoktoran yang akan diikuti oleh PELAJAR seperti yang dinyatakan di dalam SURAT TAWARAN PROGRAM; dan

"**SURAT TAWARAN PROGRAM** " ertinya SURAT TAWARAN PROGRAM PEMBIAYAAN MyPhD daripada Kementerian Pendidikan Tinggi kepada PELAJAR.

1.2 Tafsiran

- (a) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian di dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- (b) rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan-rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula;
- (c) rujukan kepada lampiran, fasal, sub-fasal atau jadual adalah rujukan kepada lampiran, fasal, sub-fasal atau jadual dalam Perjanjian ini.

2. **Persetujuan Pelajar**

PELAJAR dengan kelulusan dan persetujuan PENJAMIN dengan ini bersetuju -

- (a) PELAJAR akan dengan bersungguh-sungguh mengikuti dan meneruskan PENGAJIAN dan menghadiri semua kursus latihan yang disyaratkan yang berkaitan dengan PENGAJIANnya untuk mendapatkan Ijazah Kedoktoran atau setaraf yang dikehendaki oleh KERAJAAN seperti yang dinyatakan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM dan bahawa PELAJAR akan menyempurnakan PENGAJIANnya dalam masa yang ditetapkan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM atau dalam sesuatu masa yang lebih lama lagi sebagaimana yang diluluskan oleh KERAJAAN kemudiannya;
- (b) PELAJAR dalam tempoh PENGAJIANnya, akan sentiasa mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa di universiti, kolej atau

institusi dan juga akan mematuhi semua undang-undang yang berkuatkuasa ke atasnya dari semasa ke semasa;

- (c) PELAJAR hendaklah mengemukakan laporan kemajuan PENGAJIAN setiap semester PENGAJIANnya atau apa-apa laporan yang membawa maksud yang sama kepada KERAJAAN, jika diarahkan berbuat demikian;
- (d) PELAJAR yang telah menamatkan PENGAJIAN dengan jayanya hendaklah memaklumkan kepada pihak KERAJAAN dalam tempoh **15 hari** atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan KERAJAAN dari tarikh tamat PENGAJIAN;
- (e) PELAJAR yang telah menamatkan PENGAJIAN hendaklah berkhidmat di Malaysia atau mana-mana organisasi yang mempunyai kepentingan kepada Malaysia untuk tempoh tidak kurang dari **lima (5) tahun** dan memaklumkan perkara yang sama kepada Kerajaan secara bertulis dalam **tempoh tiga puluh hari (30) hari** selepas melaporkan diri di tempat perkhidmatan itu; dan
- (f) PELAJAR yang telah menamatkan PENGAJIAN dan berkhidmat sama ada di Malaysia atau mana-mana organisasi yang mempunyai kepentingan kepada Malaysia hendaklah memaklumkan kepada KERAJAAN alamat perhubungan baru jika berpindah ke tempat kediaman dalam **tempoh lima (5) tahun** tersebut dalam **tempoh tiga puluh hari (30) hari** selepas berpindah ke alamat kediaman baru itu.

3. Pembiayaan Kerajaan

Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang tersebut di atas KERAJAAN dengan ini bersetuju -

- (a) bahawa KERAJAAN bersetuju akan memberi PEMBIAYAAN kepada PELAJAR (selepas ini disebut "PEMBIAYAAN") untuk membiayai PENGAJIAN PELAJAR di universiti, kolej atau institusi seperti yang dinyatakan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM;
- (b) bahawa KERAJAAN akan membayar PEMBIAYAAN tersebut sama ada kepada PELAJAR itu sendiri atau kepada pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi sepertimana yang dinyatakan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM.

4. Penjamin

4.1 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa, PENJAMIN -

- (a) meninggal dunia;

- (b) tidak lagi bermastautin dalam Malaysia;
- (c) berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut kecuali berkhidmat dengan kerajaan;
- (d) diisytiharkan sebagai seorang bankrap; atau
- (e) memperolehi suatu perintah pentadbiran pemakan gaji

maka dalam tiap-tiap hal yang demikian itu, PELAJAR hendaklah mendapatkan seorang PENJAMIN untuk menggantikan PENJAMIN yang pertama tersebut, dan tiada seorang pun boleh menggantikan PENJAMIN itu melainkan dia dipersetujui terima oleh KERAJAAN dan dia bersetuju menjadi PENJAMIN mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

- 4.2 Jika PELAJAR gagal untuk menggantikan PENJAMIN yang disebut dalam perenggan 4.1 Fasal ini KERAJAAN boleh, menurut opsyennya, pada bila-bila masa selepas itu menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak KERAJAAN di bawah Perjanjian ini, PELAJAR tidak berhak untuk menuntut apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.

5. Syarat-syarat semasa Pengajian

- 5.1 Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa semasa atau pada bila-bila masa dalam tempoh PENGAJIAN, PELAJAR -
- (a) tidak boleh melakukan perbuatan salah laku dalam apa jua cara sekalipun yang pada pendapat KERAJAAN mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia dan / atau tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR atau kepentingan Malaysia;
 - (b) tidak boleh menukar bidang kursus PENGAJIAN atau tajuk penyelidikan atau tempat PENGAJIAN ke universiti, kolej atau institusi selain daripada yang ditetapkan oleh KERAJAAN atau menangguhkan PENGAJIAN tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada KERAJAAN;
 - (c) tidak boleh menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan atau tidak, **kecuali** dengan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN;
 - (d) tidak boleh menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa atau apa-apa jua cara dan bentuk tajaan lain bagi tujuan PEMBIAYAAN PENGAJIANnya;

- (e) hendaklah menunjukkan usaha dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam Pengajiannya;
 - (f) tidak boleh melakukan perbuatan salah laku dalam apa cara jua pun yang pada pendapat KERAJAAN mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia;
 - (g) tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari KERAJAAN dan KERAJAAN, mengikut budi bicara mutlakanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;
 - (h) tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR atau kepentingan Malaysia. Sekiranya PELAJAR telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh KERAJAAN bahawa kegiatan tersebut adalah tidak selaras dengan kepentingannya atau kepentingan Malaysia maka PELAJAR hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;
 - (i) bertanggungjawab untuk memulangkan apa-apa bayaran yang terlebih bayar oleh KERAJAAN. Bayaran yang terlebih bayar oleh KERAJAAN tersebut perlu dijelaskan dalam tempoh **enam puluh (60)** hari dari tarikh notis diberikan oleh KERAJAAN.
- 5.2 Pihak-pihak bersetuju bahawa perenggan 5.1(c) tidak terpakai kepada kakitangan swasta dan tenaga pengajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menerima PEMBIAYAAN ini.

6. Pelanggaran dan Penamatan Perjanjian

Sekiranya PELAJAR -

- 6.1 di dalam Tempoh PENGAJIANnya
- (a) ditamatkan PENGAJIAN oleh pihak universiti, kolej atau institusi; atau
 - (b) melakukan pelanggaran kepada peruntukan di bawah Fasal 5 Perjanjian ini atau mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini,

- 6.2 tidak menamatkan PENGAJIANnya dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam SURAT TAWARAN PROGRAM atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan KERAJAAN kemudiannya,
- 6.3 selepas tamat PENGAJIAN dengan jayanya melakukan pelanggaran kepada peruntukan Fasal 2 (e) Perjanjian ini,

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, KERAJAAN boleh menurut budibicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu PELAJAR dan PENJAMIN hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serah hak, apabila diminta dalam **tempoh enam puluh (60) hari** dari tarikh diminta oleh KERAJAAN -

- (a) membayar balik kepada KERAJAAN sejumlah wang sehingga seperti yang telah dikeluarkan oleh KERAJAAN kepadanya atau ditetapkan kemudiannya oleh KERAJAAN; dan
 - (b) membayar balik semua kos dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara-anakguam, untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik jumlah PEMBIAYAAN yang telah dibayar kepada PELAJAR atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.
- 6.4 Walau apapun peruntukan lain di dalam Perjanjian ini, KERAJAAN boleh dengan memberi **satu (1) bulan** notis secara bertulis kepada PELAJAR untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa memberi apa-apa sebab, dan selepas tamat tempoh **satu (1) bulan** tersebut, maka Perjanjian ini adalah terbatal dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak KERAJAAN di bawah Perjanjian ini, segala faedah dan tanggungan PELAJAR atau PENJAMIN di bawah PERJANJIAN ini adalah terhenti.

7. Alamat dan Penyerahan Notis

- 7.1 PELAJAR dan PENJAMIN adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada KERAJAAN melalui notis bertulis, pertukaran alamat PELAJAR dan PENJAMIN, jika ada.
- 7.2 Sebarang notis bertulis dan/atau proses pemula mahkamah yang perlu dihantar kepada PELAJAR dan PENJAMIN di bawah Perjanjian ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan di alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini atau dalam notis pertukaran alamat atau alamat terakhir yang diketahui atau dihantar melalui pos berdaftar kepada mana-mana alamat tersebut yang berkenaan.

8. Masa sebagai intipati kepada Perjanjian

Masa di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini adalah merupakan pati kepada Perjanjian ini.

9. Pindaan

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

10. Pemakaian Undang-Undang

Perjanjian ini hendaklah dalam segala hal ditadbirkan dan ditentukan serta ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia.

11. Lampiran

Adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa SURAT TAWARAN PROGRAM **KPT(B)** bertarikh hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas:

KERAJAAN

Ditandatangani dan dimeterikan..... (t.t pegawai diberi kuasa)
 oleh bagi pihak KERAJAAN
(Nama Pegawai Yang Diberi Kuasa Dengan Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan)
 di hadapan :
 Nama Saksi (Huruf Besar)
 Alamat
 Pekerjaan Saksi Gred jawatan (jika berkaitan):
 No. Kad Pengenalan Saksi
 Tandatangan saksi Cop jawatan dan jabatan

PELAJAR

Ditandatangani dan dimeterikan..... (t.t pelajar)
 oleh
(Nama Pelajar Dengan Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan)
 di hadapan :
 Nama Saksi (Huruf Besar)
 Alamat
 Pekerjaan Saksi Gred jawatan (jika berkaitan):
 No. Kad Pengenalan Saksi
 Tandatangan saksi Cop jawatan dan jabatan

PENJAMIN

Ditandatangani dan dimeterikan..... (t.t penjamin)
 oleh
(Nama Penjamin Dengan Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan)
 di hadapan :
 Nama Saksi (Huruf Besar)
 Alamat
 Pekerjaan Saksi Gred jawatan (jika berkaitan):
 No. Kad Pengenalan Saksi
 Tandatangan saksi Cop jawatan dan jabatan